



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR (NRE)

SAMBUTAN HARI OZON ANTARABANGSA

29 SEPTEMBER 2016

YB Dato Sri Dr Haji Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia telah menyempurnakan Majlis Sambutan Hari Ozon Antarabangsa bertempat di Hotel Grand Dorsett, Subang Jaya, hari ini.

Turut hadir ialah YB Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Dr Nadzri bin Yahaya, Timbalan Setiausaha (Sumber Asli), NRE dan En. Mokhtar Abdul Majid Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Pada tahun 1985 Konvensyen Vienna Bagi Perlindungan Lapisan Ozon telah ditubuhkan bagi memastikan lapisan ozon dijaga dan dipulihkan. Konvensyen ini telah bersetuju bahawa komitmen tinggi semua negara dunia diperlukan untuk mengawal pengeluaran dan penggunaan Bahan Pemusnah Ozon (*Ozone Depleting Substances*) seperti Kloroflourokarbon (CFC), Hidroklouroflourokarbon (HCFC), Halons, Karbon Tetraklorida (CTC) , Metil Kloroform , Metil Bromida, Bromochloromethane yang menyebabkan penipisan lapisan ozon. Justeru itu Perjanjian Protokol Montreal Mengenai Bahan-Bahan Yang Menipiskan Lapisan Ozon telah dimeterai pada tahun 1989.

Sehingga kini, 197 buah negara telah meratifikasi perjanjian ini dan **negara - negara sedang membangun perlu menghapuskan pengeluaran dan**

penggunaan CFC, Halon dan CTC secara mandatori bermula 1 Januari 2010. Manakala pada 1 Januari 2015, penggunaan Metil Bromida iaitu sejenis racun makhluk perosak hanya dibenarkan untuk aktiviti kuarantin dan pra perkapalan (*Quarantine and Pre shipment –QPS*).

Pada masa kini, Hidroklorofluorokarbon (HCFC) adalah bahan kimia yang digunakan secara meluas sebagai alternatif sementara kepada CFCs. Bahan ini digunakan sebagai bahan pendingin dalam alat penyaman udara bangunan dan sistem penyejuk beku, bahan pengembang dalam pembuatan busa (foam), bahan pemadam api dan pencuci dalam proses industri. Ini adalah kerana bahan ini mempunyai potensi yang rendah terhadap penipisan lapisan ozon (*Ozone Depleting Potential – ODP*). Penghapusan HCFC dibuat secara berperingkat dimulai dengan pembekuan (*freeze*) import pada tahap *baseline* pada tahun 2013 berdasarkan purata penggunaan pada tahun 2009 dan 2010, dan pengurangan sebanyak 10% daripada jumlah *baseline* pada 2015, 35% pada 2020, 67.5% pada 2025 dan penghapusan mutlak pada 2030 dengan import sebanyak 2.5% sahaja yang dibenarkan bagi sektor servis sehingga tahun 2040. Penghapusan mutlak HCFC akan membolehkan teknologi mesra ozon dan mesra iklim digunakan sebagai alternatif di samping meningkatkan kecekapan penggunaan tenaga dan menyumbang ke arah pembangunan '*Green Economy*'.

Bagi membolehkan negara-negara sedang membangun mematuhi tempoh pematuhan bagi pengurangan bahan kimia yang dikawal oleh Protokol Montreal, satu Tabung Dana Pelbagai Hala (*Multilateral Fund of Montreal Protocol –MLF*) telah ditubuhkan. Sumbangan peruntukan kewangan bagi tabung ini adalah daripada 43 buah negara maju dan dana tersebut dipantau oleh Jawatankuasa Eksekutif (EXCOM) yang mana ahlinya terdiri daripada 14 buah negara parti iaitu 7 daripada negara maju dan 7 daripada negara sedang membangun. Malaysia telah menjadi ahli EXCOM semenjak ianya ditubuhkan.

Selain daripada pemulihan lapisan ozon, Protokol Montreal turut memberi faedah besar dalam menangani isu perubahan iklim memandangkan ODS turut menyumbang kepada pemanasan global. Hasil daripada pelaksanaan Protokol Montreal, secara amnya negara-negara Parti telah berjaya mencapai pengurangan yang ketara dalam penggunaan ODS antara tahun 1990 dan tahun 2000 iaitu sebanyak 25 billion ton CO₂ telah dapat dikurangkan. Justeru, Protokol Montreal merupakan salah satu instrumen global yang utama dalam mengatasi masalah penipisan lapisan ozon dan juga menangani isu pemanasan global.

Malaysia menyertai negara-negara lain di seluruh dunia untuk melindungi lapisan ozon dengan meratifikasi Konvensyen Vienna dan Protokol Montreal pada 29 Ogos 1989; Pindaan London pada 16 Jun 1993; Pindaan Copenhagen pada 5 Ogos 1993; Pindaan Beijing dan Montreal pada 21 Oktober 2001.

Malaysia telah berjaya menghentikan pengimportan CFC, Halon dan CTC mulai 1 Januari 2010 dan telah menerima sumbangan geran daripada Tabung Dana Pelbagai Hala bagi Protokol Montreal untuk Program Kebangsaan Penghapusan CFC fasa pertama (1992-2001) sebanyak USD36.5 juta dan sebanyak USD 11.5 juta bagi fasa kedua (2002-2010).

Di bawah perjanjian Protokol Montreal, Malaysia telah memberi komitmen untuk mengurangkan pengimportan HCFC sebanyak 10% pada tahun 2015. Namun Malaysia telah berjaya untuk melebihi sasaran tersebut dengan mencapai 19% pengurangan HCFC. Bagi tujuan tersebut, satu Pelan Pengurusan Penghapusan HCFC atau *HCFC Management Plan* (HPMP) *Stage 1* telah disediakan. Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif ke-65 (ExCom 65) Multilateral Fund di Bali pada 14 hingga 18 November 2011 telah meluluskan pembiayaan dana Tabung Multilateral (*Multilateral Fund* -MLF) sejumlah lebih kurang USD 9.6 juta. Dana ini adalah bagi projek penukaran teknologi dari penggunaan bahan HCFC-141b kepada *cyclopentane* dalam sektor busa (*foam*) di 13 buah premis pembuatan busa dan bantuan teknikal di 4 premis pembuatan polyol serta sektor servis dan pengurusan.

Sehingga kini, projek penukaran teknologi telah berjaya diselesaikan dengan melibatkan dana berjumlah USD7,832,916 yang telah dibelanjakan termasuk pembelian mesin baru yang menggunakan cyclopentane sebagai bahan alternatif menggantikan HCFC 141b kepada 13 industri pembuatan busa. Manakala 4 premis pembuat polyol telah diberi bantuan kewangan dan teknikal bagi pembuatan polyol menggunakan bahan alternatif baru seperti methyl formate, soltice dan methyal. Antara aktiviti utama dalam pelaksanaan HPMP adalah melibatkan penggubalan atau pindaan akta serta peraturan berkaitan. Pada 31 Disember 2012, Perintah Kastam 1974 telah dipinda dan diwartakan untuk memasukkan 40 jenis HCFC ke dalam Jadual Kedua sebagai barangan import yang dikawal. Jawatankuasa Kuota telah menetapkan jumlah pemberian kuota kepada pengimport mengikut jenis dan had yang dibenarkan di bawah Protokol Montreal. Sistem AP dan pemberian kuota pengimportan HCFC ini mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2013.

Manakala sistem e-Permit telah dibangunkan oleh JAS dengan Dagangnet bagi membantu Jabatan Kastam melaksanakan sistem AP secara elektronik bermula pada 1 Mac 2013. Pada tahun 2016, sejumlah 18 pengimport layak menerima permit (AP) untuk mengimport HCFC.

Di bawah HPMP Peringkat 1 ini juga, projek *mini reclaim* diperkenalkan dengan menubuhkan 6 pusat perolehan semula refrigeran iaitu di Westech Chemical Sdn. Bhd (Shah Alam), Aurora Chemical Sdn. Bhd. (Puchong), TexCarrier Industries Sdn. Bhd (Batu Pahat), Radiant Electrical Electronic Enterprise (Pulau Pinang), Kuching Air Conditioning, Refrigeration and Electrical Works (Kuching) dan High- Tech Industries Sdn. Bhd (Kota Kinabalu). Bahan refrigeran yang dikumpulkan semasa menjalankan servis boleh dihantar ke pusat-pusat ini untuk dibersihkan dan diguna semula. Ini adalah penting kerana sektor ini melibatkan orang awam dalam penggunaan refrigeran secara meluas dalam sistem penghawa dingin kenderaan dan bangunan serta sistem penyejukan domestik dan komersial. Strategi seterusnya adalah untuk melarang pembuatan dan pengimportan penyaman udara yang mempunyai 2.5 kuasa kuda dan ke bawah bagi penjualan dalam Malaysia. Bagi tujuan ini, Peraturan Alam Sekeliling (Pengurusan Refrigeran) 1999 sedang dipinda. Selain itu, pengimportan dan pengeksportan polyol yang mengandungi HCFC 141b juga turut dikawal melalui sistem permit yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

Bagi memperingati komitmen Negara Parti kepada Protokol Montreal ke atas obligasi perlindungan lapisan ozon bumi, Hari Ozon Antarabangsa disambut di seluruh dunia pada 16 September setiap tahun sejak tahun 1994. Tema sambutan Hari Ozon Antarabangsa 2016 ialah **“Ozon dan Iklim: Terpelihara apabila seluruh dunia bersatu”** yang disokong dengan slogan **“Berusaha mengurangkan Hidrofluorokarbon (HFC)s di bawah Montreal Protokol”**. Tema ini mencerminkan usaha kolektif semua negara Parti kepada Konvensyen Vienna dan Protokol Montreal dalam memulihara lapisan ozon selama 3 dekad dan menyelamatkan bumi dari kesan perubahan iklim.

Kejayaan program penghapusan ODS oleh Malaysia adalah hasil daripada pelaksanaan polisi dalam negara yang kukuh, perundangan dan hubungan kerjasama yang baik antara agensi kerajaan seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Pertanian dan juga kerjasama serta komitmen daripada pihak industri.